

# Sinergi UMP, industri tingkat pasaran graduan

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UPM) buat julung kalinya menyampaikan anugerah khas buat industri yang banyak menyumbang dalam mempertingkatkan program pembangunan akademik, jalinan kerjasama penyelidikan, pengkomersialan dan penempatan latihan industri dalam Majlis Makan Malam Apresiasi UMP-Industri 2011 baru-baru ini.

Majlis bertemakan UMP-Industry Towards Synergy and Sustainable Partnership itu anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) dengan kerjasama Pusat Universiti-Industri dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Mmenurut Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, pihaknya menerima sokongan penuh daripada pihak industri menerusi usahasama dalam penyelidikan, latihan pembangunan staf dan latihan pelajar industri.

"Kerjasama industri ini terus berkembang dalam pelbagai sektor melibatkan industri automotif, teknologi hijau, ICT dan telekomunikasi.

"UMP memperkukuh jalinan kerjasama dengan HeiTech Padu Berhad dan IBM dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Inisiatif Kampus Akademik yang pertamanya di Malaysia," katanya.

Dr. Daing Nasir berkata, pusat itu mensasarkan pembangunan kemahiran khususnya dalam menggunakan teknologi IBM dalam melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam memenuhi keperluan

pembangunan teknologi IT untuk sektor awam dan swasta di Malaysia.

Selain itu, UMP turut melancarkan projek teknologi hijau menerusi kitar semula minyak dasar daripada minyak hitam terpakai menggunakan teknologi pengekstrakan dengan kerjasama Urban Environmental Industries Sdn. Bhd.

Projek ini dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Najib Tun Razak sempena lawatan beliau ke UMP Pekan baru-baru ini.

Majlis turut menyaksikan Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Auto Part Manufacturers Co. Sdn. Bhd,

Panasonic AVC Network Johor dan Petronas Carigali Sdn. Bhd menerima anugerah khas dalam penempatan pelajar UMP menjalani latihan industri.

Selain itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua) menerima anugerah khas apabila menyumbang 13 robot dengan nilai RM 2.3 juta bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta Perodua juga merupakan rakan industri dalam memberi sumbangan terhadap projek teknologi hijau kitar semula minyak terpakai.

Selain itu, Sapura Industrial Berhad, Malaysia Automotive Institute (MAI) dan IBM-HeiTech Padu Berhad turut menerima anugerah khas itu.



**BARISAN** penerima anugerah bersama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Rujhan Mustafa (berbaju putih) dan Dr. Daing Nasir Ibrahim (empat dari kiri) sempena majlis menghargai sumbangan industri yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.